

# Pantau kempen 'Katakan Ya

UM 8 OCT 2001

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat digesa menubuhkan jawatankuasa pemantauan untuk meneliti kejayaan dan komitmen masyarakat dalam melaksanakan kempen 'Katakan Ya Untuk Kanak-Kanak'.

Ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Datuk Lee Lam Thye berkata, kerajaan juga perlu memainkan peranan menimbang dan mengambil langkah serius ke atas 10 cadangan yang dikemukakan dalam kempen tersebut.

"Kerajaan perlu memainkan peranan utama dalam kempen itu melalui pelaburan masa depan generasi

muda negara dengan memberikan mereka kemudahan asas seperti pendidikan dan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kempen 'Katakan Ya Untuk Kanak-Kanak' yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 September lalu.

Kempen itu bertujuan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk pembesaran minda dan fizikal kanak-kanak.

Ia juga berlandaskan kepada 10 tindakan asas iaitu tidak meninggalkan kanak-kanak, mengutamakan me-

## Untuk Kanak-Kanak' — Lee

reka, memberikan penjagaan kepada mereka, menghapuskan HIV/AIDS, menghentikan penderaan dan eksploitasi terhadap mereka.

Selain itu kempen tersebut meliputi mendengar suara mereka, melindungi mereka dari peperangan, memelihara kesejahteraan tempat tinggal mereka dan menangani kemiskinan dengan melabur untuk mereka.

Lee berkata, kempen ini sebenarnya menyeru setiap lapisan masyarakat bekerjasama memastikan keselamatan dan kesejahteraan generasi ini untuk masa depan.

"Kanak-kanak adalah masa depan negara dan merupakan tonggak masyarakat. Perasaan dan pendapat

mereka seharusnya didengar dan diambil kira dalam proses pembangunan keluarga," katanya.

Katanya, cadangan Kementerian Pendidikan untuk mewajibkan umur enam tahun bagi pendidikan peringkat rendah, bermula tahun depan adalah bertepatan sekali.

Menurut beliau, perkara lain yang harus diambil perhatian oleh kerajaan ialah penyertaan kanak-kanak dalam pembuatan dasar perundangan yang melibatkan mereka, terutamanya dari segi ketelusan kepekaan sistem keadilan juvana serta penderaan kanak-kanak.